

Price to pay for late-night

Supper indulgence puts people at risk of various diseases

By ALLISON LAI
allison@thestar.com.my

PUTRAJAYA: Malaysia is renowned for its delectable cuisine, but this culinary abundance is leading many to habitually indulge in heavy late-night meals, a trend that is becoming increasingly concerning.

A significant portion of Malaysians, including 41.8% of adolescents and 33.5% of adults, consume heavy suppers at least once a week, according to findings from a Health Ministry survey.

The latest findings highlighted the growing trend as a significant health concern, with Health Minister Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad calling on Malaysians to rethink their nocturnal noshing habits.

"We don't eat a little at a time, but rather we keep eating little by little (Kita bukan makan sikit-sikit, tapi sikit-sikit makan)," he said when met after launching the National Health and Morbidity Survey (NHMS) 2024 Nutrition report at the ministry here yesterday.

Dzulkefly called on Malaysians to reduce their intake of supper or to eat in moderation, as this activity can have negative effects on health.

"Late-night heavy meals contribute significantly to health problems such as obesity and metabolic disorders.

"Before bed, avoid heavy meals late at night. It's not that you can't eat, but always in moderation."

According to NHMS 2024, late-night eating can negatively impact sleep quality, cause digestive issues and increase the risk of heart diseases.

Additionally, Dzulkefly stated that the comprehensive survey also assessed nutritional patterns and situations, revealing that excessive intake of sugar and salt remains a prevalent issue.

He said 63.1% of adolescents and 47% of adults exceed the recommended sugar intake, with nearly half of this consump-



Go easy on suppers: Dzulkefly calls on Malaysians to reduce their intake of supper or to eat in moderation.

tion coming from sugary beverages. Furthermore, 75.9% of adults consume more than 2,000mg of salt daily, which is over 1.5 teaspoons and exceeds health guidelines.

"Although there is a slight decrease compared to 78.6% in 2018 and 79.0% in 2012, this trend remains worrying.

"These habits may seem small, but they carry huge consequences.

"They are partly the reasons causing obesity, diabetes and hypertension, all from what we eat.

"They underscore the urgent need for targeted interventions to reduce unhealthy eating habits among Malaysians, particularly the youth."

The NHMS 2024 also highlighted the alarming deficiencies in essential micronutrients.

Dzulkefly said a significant portion of the population lacked sufficient iodine intake, with 45.7% falling below the World Health Organisation's recommended levels.

Additionally, deficiencies in vitamins A and C are known to be widespread, affecting both adolescents and adults, mainly due to inadequate consumption of

fruits and vegetables.

The survey found that only 12.8% of adolescents and 17.1% of adults meet the WHO's recommended fruit intake, while a mere 5.2% of adolescents and 12.2% of adults consume the suggested amount of vegetables.

In response to these findings, Dzulkefly said the ministry has launched a series of initiatives aimed at improving national dietary habits.

"These include launching the War on Sugar Campaign for all 222 parliament constituencies by 2027, reducing sugar content in sachets from 5g to 3g and implementing a sugar-sweetened beverage (SSB) tax.

"The ministry is also intensifying its War on Salt Campaign, focusing on consumer education and clearer nutritional labeling."

Dzulkefly noted that the government is also collaborating with local food operators and chefs to promote recipes that are low in sugar and salt.

"Symbolic measures, such as stopping the serving of late-night heavy meals at official functions, are also being considered to set an example."

Stressing that NHMS is not merely a report but a call for urgent action, Dzulkefly called on Malaysians to "start small" and "not wait".

"Let us all take advantage of the free health and nutrition screenings available at public health facilities.

"Early intervention is crucial for preventing serious health complications.

"Let's aim to foster a healthier lifestyle culture across the nation," he said.



WATCH THE
VIDEO
TheStarTV.com

eating

National Health and Morbidity Survey 2024



The salty truth

- 3 in 4 Malaysian adults consumed a high-salt diet
- How much salt was consumed daily by Malaysian adults? 7.3g or 1.5 teaspoons
- *Recommendation by the World Health Organisation is 5g or 1 teaspoon daily



Negative effects of too much salt intake:

- High blood pressure
- Stroke
- Heart disease
- Kidney failure




How to reduce salt intake?

- Replace salt with natural seasoning and spices in cooking
- Check food labels and choose low-sodium products
- Avoid processed food with hidden salt

Cut sugar, be healthier



- 2 in 3 adolescents consumed free sugar more than 37.5g or 7.5 teaspoons a day
- *Free sugar refers to sugar added to food and drinks and sugar that is naturally present in honey, syrup, juices and concentrates.



- Half of the total free sugar consumed came from beverages
- Too much sugar-sweetened beverages can cause:
 - Weight gain
 - Risk of diabetes
 - Risk of heart attack

AKHBAR : THE STAR
MUKA SURAT : 6
RUANGAN : NATION

Delicious end to a Malaysian night

By RAGANANTHINI VETHASALAM
and JUNAID IBRAHIM
newsdesk@thestar.com.my

PETALING JAYA: Whether it involves working graveyard shifts or simply socialising with friends late at night for a "lepak" session, Malaysians cannot resist the urge for supper.

For many, having supper has become a habit that is difficult to kick.

Mohd Sabri Abdul Halim, 35, said that he agreed that Malaysians have a late-night eating culture due to the easy access to food at night.

"Mamak are open 24 hours, and our fast food restaurants are everywhere. We need to teach the young to eat more healthily," he said.

The engineer from Melaka said that he developed the habit of having supper due to working night shifts, watching television, and socialising with friends.

"I tend to reach for fries, fast food, and kebabs even late at night," he said.

"I know it is unhealthy, but I am trying to make changes by eating right," he added.

Grace Selva, 28, who works in customer service, said she tends to eat more while working graveyard shifts.

"Since our shifts are usually at night, I tend to eat to stay awake. Usually, you don't get any healthy options at that time. So, fast food or mamak food is usually the go-to. These are usually heavy and not easy on the stomach," she said.

"Besides coffee, food helps keep me



Hard habit to break: It is undeniable that Malaysians just can't resist the urge for late night suppers.

awake. I have gained 7kgs since I started working," she said.

Echoing that, Dr Lim, a medical officer at a hospital in Kuala Lumpur, also said that, despite being in the medical field, she has a habit of eating during night shifts.

"Even when I am not working at night, I would raid the fridge to see if I have something to munch on. It is out of habit rather than hunger. I know it is unhealthy, but sometimes you just can't help it," she added.

Marketing executive Leon Lim, 25, from Cheras, said he occasionally has supper at mamak restaurants while watching sports matches with his friends.

He concurred with the latest findings, saying that Malaysians ought to practise self-control and engage in more physical activity.

"Late-night supper in mamak restaurants has become a cultural norm for us Malaysians.

"It all depends on how often one typical-

➤ Risk of heart attack

How to limit sugar intake?

- Limit added sugar when preparing beverages
- Check the nutritional label
- Opt for less sugar or no sugar when ordering drinks

Heavy supper, you suffer

- 2 in 5 adolescents
- 1 in 3 adults had both dinner and a heavy supper at least once a week

Eating late at night can cause:

- Disrupted sleep quality
- Metabolic issues and weight gain
- Digestive problems
- Increased risks of heart disease and Type 2 diabetes

Source: National Health and Morbidity Survey 2024, MOH
The Star graphics

ly indulges in very late-night suppers and whether they maintain a more active lifestyle," he said.

Ahmad Hanifah, 30, echoed the sentiment, saying that it is all about moderation and balance.

"Sometimes, you just can't turn down an invitation to have a late-night teh tarik session with friends.

"However, I still believe that moderation is the key, such as ordering less sugary drinks or avoiding staying out too late and missing out on sleep time," said Ahmad, who hails from Kuala Lumpur.

AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 14
RUANGAN : NASIONAL

BH MIS 14 NASIONAL 25/4/2025 (JUMAAT)

Trend makan berat lewat malam membimbangkan

Tindakan boleh beri kesan negatif kepada diri, tingkat risiko penyakit jantung

dan 33.5 peratus dewasa mengamalkan pengambilan makanan berat lewat malam sekurang-kurangnya sekali seminggu.

Sehubungan itu, beliau menyaran supaya orang ramai mengurangkan pengambilan makanan berat lewat malam atau makan dalam kadar sederhana kerana aktiviti itu memberi kesan negatif kepada diri.

"Sebelum tidur, kurangkan makanan berat lewat malam bukan tidak boleh tapi sentiasa bersederhana," katanya kepada pemberita selepas melancarkan NHMS 2024: Pemakanan di sini semalam.

Berdasarkan NHMS 2024, makan lewat malam boleh memberi kesan negatif kepada gangguan kualiti tidur, masalah pencernaan dan peningkatan risiko penyakit jantung.

Putrajaya: Dapatan tinjauan Kebangsaan Kesihatan dan Morbiditi (NHMS) 2024 menunjukkan trend pengambilan makanan berat pada lewat malam dalam kalangan rakyat Malaysia membimbangkan.

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad, berkata dapatan utama tinjauan itu mendapati 41.8 peratus remaja

NHMS 2024: Pemakanan ialah kajian berasaskan populasi berskala nasional yang dijalankan secara berkala oleh KKM dengan bertumpu kepada aspek pemakanan bagi menilai corak pemakanan dan status nutrisi rakyat Malaysia merentas pelbagai kumpulan umur.

Seramai 5,147 responden mengambil bahagian dalam tinjauan yang dijalankan dari Januari hingga September 2024.

Ambil gula berlebihan

Sementara itu, Dr Dzulkefly berkata, dapatan utama lain ialah 63.1 peratus remaja dan 47.0 peratus dewasa mengambil gula melebihi saranan pemakanan, dengan hampir separuh daripada jumlah itu berpunca daripada pengambilan minuman bergula.

Bagi garam pula, 75.9 per-



Dr Dzulkefly melawat reruai pameran selepas melancarkan NHMS 2024: Pemakanan di Putrajaya, semalam. (FOTO BERNAMA)

tus populasi dewasa mengambil garam melebihi 2,000 miligram sehari, iaitu bersamaan lebih 12 sudu teh.

"Semua diseru membudayakan hidup sihat, aktif, corak pemakanan dan kaedah masak yang baik, kerana diet bermula dengan masakan yang bagus.

"Jalani saringan pemakanan dan kesihatan percuma, termasuk di Wellness Hub Kementerian Kesihatan," katanya.

Sementara itu, Dr Dzulkefly berkata, KKM sudah mendapat persetujuan untuk menaikkan

Elaun Tugas Atas Panggilan (ETAP) bagi petugas kesihatan dan pengumuman lanjut mengenai nainya akan dibuat.

Beliau berkata, aspek keajikan petugas kesihatan sentiasa diperjuangkan dan menjadi keutamaan baginya sepanjang mengemudi KKM.

"Kenalkan *active allowance* atau ETAP itu walaupun kita dapat persetujuan. Cuma untuk mengemukakan jumlahnya itu, saya diminta untuk tunggu pengumuman," katanya.

BERNAMA

AKHBAR : SINAR HARIAN
MUKA SURAT : 6
RUANGAN : NASIONAL

SINAR HARIAN MS 6 NASIONAL 25/4/2025 (JUMAAT)

Tiada bayaran pada Siti Nurhaliza, artis buat persembahan- Dr Dzulkefly

SHAH ALAM - Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad menjelaskan bahawa tiada sebarang bayaran atau imbuhan diberikan kepada artis dan selebriti yang hadir membuat persembahan sempena sambutan Aidilfitri anjuran Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) Selasa lalu.

Beliau berkata, artis yang hadir seperti Datuk Seri Siti Nurhaliza Tarudin, Mila Akademi Fantasia (AF) dan Datuk Jamal Abdillah membuat persembahan secara sukarela bagi meraikan kehadiran Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim dan warga KKM.

"Hanya Jamal diberikan sagu hati manakala Tok Ti (Siti Nurhaliza) hadir sebagai rakan tetamu Yayasan Nurjiwa dan Mila AF juga tidak mengenakan caj," katanya pada Khamis.

* Sebelum ini, Ketua Lajnah Kesihatan Pas, Dr Tengku Muhammad Fakhruddin mendakwa, warga kerja KKM terpaksa menyaksikan kementerian menganjurkan majlis sambutan Aidilfitri yang mewah bersama artis dan selebriti.

Pemuda Pas Terengganu turut meluahkan rasa kecewa dan simpati terhadap ribuan warga kerja KKM yang saban hari bergelut de-



DR DZULKEFLY



SITI NURHALIZA

ngan tekanan kerja, fasiliti yang serba kekurangan dan ketidakpastian masa depan.

Terdahulu dalam hantaran di X, Dr Dzulkefly berkata, persembahan secara sukarela yang dibuat itu sebagai menghormati peranan Anwar, pekerja kesihatan KKM dan tetamu lain yang merupakan sebahagian daripada ekosistem penjagaan kesihatan negara.

"Kritikan yang diterima adalah adil. Semoga ini menjadi peringatan kepada semua.

"Kami akan terus berusaha untuk menangani isu sistemik untuk pekerja kesihatan kami, itu komitmen saya," ujarnya.

Sementara itu, Siti Nurhaliza yang juga Biduanita Negara me-

nerusi hantaran di Instagram menegaskan, kehadirannya dalam majlis berkenaan adalah sebagai tetamu, bukannya selaku artis undangan rasmi persembahan.

Beliau turut menafikan dakwaan kononnya dibayar untuk membuat persembahan pada acara tersebut.

"Saya datang ke majlis KKM sebagai tetamu dan bukan artis yang diundang membuat persembahan.

"Saya menyanyi kerana mahu menghargai warga KKM, atas rela hati dan tanpa bayaran," katanya.

Ibu kepada dua cahaya mata itu berkata, beliau tampil membuat penjelasan mengenai isu berkenaan bagi memastikan tiada pihak menyebarkan fitnah yang mengaitkan dirinya.

"Saya tidak mahu lebih ramai memanjangkan fitnah apabila nama saya dipetik dalam berita atas nyanyian saya di majlis itu.

"Penjelasan ini penting supaya anda tidak membuat penulisan, berita dan menyebarkan nama atau gambar saya dengan sesuatu tidak sahih beritanya," ujarnya.

AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 6
RUANGAN : NASIONAL

BH MIS6 NASIONAL 25/4/2025 (JUMAAT)

KKM teliti isu agihan doktor pakar

Georgetown: Kementerian Kesihatan (KKM) menilai isu kekurangan doktor pakar dari aspek ketidakseimbangan agihan, dengan keperluan sebenar sedang diteliti termasuk mengikut bidang serta lokasi fasiliti kesihatan terbabit.

Timbalan Menteri Kesihatan, Datuk Lukanisman Awang Sauni, berkata melalui kajian *maldistribution* atau pengagihan tidak seimbang, pihaknya dapat mengenal pasti kelompokan dalam sistem sedia ada.

Beliau berkata, struktur perjawatan sedang diperhalusi KKM selaras dasar *future-ready* atau ketersediaan masa depan.

Katanya, permintaan Sabah dan Sarawak untuk membawa pakar dari Semenanjung dengan tawaran insentif khas juga sedang

dipertimbangkan, selain memperhalusi cadangan membawa pakar dari luar negara yang mana ia pernah dilakukan sebelum ini.

“Ketika ini kita sedang menstruktur semula jawatan dalam KKM (yang digerakkan) sejak 2023, selain langkah kerajaan sebelum ini yang meluluskan 800 jawatan tetap pakar perubatan setiap tahun yang akan dapat menampung keperluan pakar.

“Pada masa sama, kita meminda Akta 50 dengan merujuk kepada *parallel pathway*... ini membolehkan lebih ramai pakar dapat dilahirkan melalui laluan alternatif.

“Kita juga mempunyai keupayaan dan bekalan mencukupi serta mempunyai satu sinergi antara perkhidmatan kesihatan awam dan swasta,” katanya se-

lepas menghadiri majlis perasmian Program Miracle Baby (MBP) Misi Kedua di Hospital Pulau Pinang, di sini semalam.

Lukanisman berkata, KKM yakin penstrukturan perjawatan disusuli pelbagai inisiatif latihan kepakaran sedia ada, selain pelaksanaan dasar ketersediaan masa depan mampu membantu usaha menangani isu kekurangan doktor pakar.

Ketika ini, beliau berkata, 692 pakar sedang mengikuti laluan *parallel pathway*, manakala 6,211 pegawai perubatan sedang menjalani latihan kepakaran.

“KKM juga bakal melancarkan inisiatif baharu dikenali sebagai Perkhidmatan Rakan KKM Julai ini yang dilihat mampu memperluas akses kepada perkhidmatan kepakaran,” katanya.

AKHBAR : KOSMO
MUKA SURAT : 9
RUANGAN : NEGARA

KOSMO MIS 9 NEGARA 25/4/2025 (JUMAAT)

KKM yakin dapat atasi kekurangan pakar perubatan

GEORGE TOWN – Kementerian Kesihatan (KKM) yakin struktur penjawatan dan latihan kepakaran sedia ada mampu mengatasi isu kekurangan doktor pakar di negara ini.

Timbalan Menteri, Datuk Lukanisman Awang Sauni berkata, buat masa ini kerajaan sedang melaksanakan penstrukturan jawatan dalam KKM, di samping meluluskan penjawatan tetap kepada 800 doktor pakar setiap tahun sejak 2023.

“Dengan perstrukturan ini dan melalui pelbagai inisiatif termasuk pelaksanaan laluan kepakaran alternatif atau *parallel pathway* kita yakin dapat melahirkan lebih ramai pakar dari dalam negara sendiri.

“Kita sebenarnya mempunyai keupayaan dan bekalan yang mencukupi serta mempunyai satu sinergi antara perkhidmatan kesihatan awam dan swasta,” katanya selepas menghadiri majlis perasmian program Miracle Baby MBP (misi kedua) di Hospital Pulau Pinang (HPP), di sini semalam.

Raja Permaisuri Perak, Tuanku Zara Salim berkenan mencemar duli menyempurnakan majlis perasmian tersebut.

Lukanisman mengulas isu

kekurangan doktor pakar di hospital atau klinik kerajaan yang turut disumbangkan oleh penurunan pendaftaran doktor dan doktor pelatih saban tahun, selain trend pemberhentian doktor pelatih.

Katanya, sebanyak 692 pakar kini sedang mengikuti laluan *parallel pathway*, manakala seramai 6,211 pegawai perubatan sedang menjalani latihan kepakaran dan pada masa sama, negara juga menyediakan 1,650 slot latihan pakar setiap tahun.

Beliau berkata, isu kekurangan pakar turut dilihat daripada aspek ketidakseimbangan agihan dan KKM kini sedang meneliti keperluan sebenar mengikut bidang serta lokasi.

“Permintaan dari Sabah dan Sarawak untuk membawa pakar dari Semenanjung dengan tawaran insentif khas juga sedang dipertimbangkan.

“Ini termasuk cadangan membawa pakar dari luar negara, sesuatu yang pernah dilakukan dan kini sedang diperhalusi,” katanya.

Selain itu, katanya, sektor swasta turut berperanan dan mampu menjadi rakan strategik KKM dalam menampung keperluan kepakaran negara.

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA

MUKA SURAT : 8

RUANGAN : DALAM NEGERI

UTUSAN MALAYSIA M/S 8 DINEGERI 25/4/2025 (JUMAAT)

KKM sedia perketat akta rokok, vape

Oleh MOHD HUSNI MOHD NOOR
utusannews@mediamulia.com.my

PUTRAJAYA: Kementerian Kesihatan (KKM) terbuka dan bersedia menyemak semula akta berkaitan rokok dan vape sekiranya terdapat keperluan atau bukti tertentu mengenai kemudahan yang lebih besar daripada bahan berbahaya itu.

Menterinya, Datuk Seri Dr. Dzulkefly Ahmad berkata, undang-undang dan akta tidak pernah statik, sebaliknya setiap penguatkuasaan undang-undang itu hidup, dinamik dan responsif.

“Kita akan terus mempertingkatkan penguatkuasaan dan kawal selia produk rokok elektronik dan vape menerusi Akta Kawalan Produk Merokok Demi Kesihatan Awam 2024 (Akta 852).

“Penguatkuasaan menerusi akta berkenaan adalah bagi melindungi orang belum dewasa (OBD) dari terjebak dengan penggunaan rokok elektronik atau vape,” katanya ditemui selepas melancarkan Tinjauan Kebangsaan Kesihatan dan Morbiditi (NHMS) 2024: Pemakanan

di sini semalam.

Selasa lalu, Persatuan Pengguna Pulau Pinang (CAP) sekali lagi menggesa KKM melaksanakan larangan sepenuhnya terhadap penjualan vape dan rokok elektronik yang membawa pelbagai isu sosial dalam kalangan pelajar.

Gesaan ini susulan kejadian pada Isnin membabitkan seorang pelajar Tingkatan Tiga sebuah sekolah di kawasan pinggir Kangar dikejarkan ke Hospital Tuanku Fauziah selepas disyaki mengalami sawan berpunca daripada penggunaan vape.

Pemerhatian CAP turut mendapati ramai golongan muda terjebak dalam penggunaan rokok elektronik dan HTP (produk tembakau yang dipanaskan) sehingga mereka secara tidak sedar menjadi ketagih.

Dr. Dzulkefly berkata, bidang kuasa bagi mengharamkan vape adalah di bawah kerajaan negeri dan pihak berkuasa tempatan (PBT).

Sementara itu, beliau berkata, pihak sudah mendapat persetujuan untuk menaikkan Elaun

Tugas Atas Panggilan (ETAP) bagi petugas kesihatan dan pengumumannya akan dibuat tidak lama lagi.

“Kita mendapat persetujuan cuma untuk mengumumkan jumlahnya itu, saya diminta untuk tunggu tentang pengumuman itu,” katanya.

ETAP adalah imbuhan atas tanggungjawab tambahan yang dijalankan oleh Pegawai Perubatan dalam merawat pesakit semasa bertugas atas panggilan (*On-call*) di hospital selepas waktu bekerja biasa.

Sebelum ini, Persatuan Perubatan Malaysia (MMA) menzahirkan kekecewaan dengan kerajaan kerana masih mengelak melaksanakan kenaikan elaun *on call* seperti dijanjikan.

Dr. Dzulkefly berkata, pihaknya turut mendapat persetujuan berkaitan *fee schedule* membatik klinik dan hospital swasta.

“Ia membabitkan klinik swasta dan tidak terkait dengan KKM, apapun kami mendapat persetujuan sama mengenai perkara itu,” katanya.

AKHBAR : KOSMO
MUKA SURAT : 9
RUANGAN : NEGARA

632 frontliners TH ke Tanah Suci

- Meliputi tugas pelbagai sektor termasuk kesihatan, kewangan, media
- Bentuk satu pasukan kuat mampu beri khidmat cemerlang

Oleh FIRDAUS HASSAN

SEPANG – Seramai 632 petugas barisan hadapan Tabung Haji (TH) digerakkan secara berperingkat ke Arab Saudi bermula semalam bagi membuat persiapan awal operasi musim haji tahun 1446H/2025M.

Pengarah Urusan Kumpulan dan Ketua Pegawai Eksekutif Lembaga TH, Datuk Syed Hamidah Syed Othman berkata, separti tahun-tahun sebelumnya, TH menempatkan para petugas haji secara menyeluruh merangkumi pelbagai sektor.

Katanya, ia termasuk penguasaan maktab dan zon, kesihatan, bimbingan ibadat haji dan ziarah, kewangan, media, pengangkutan, salian, bagasi, khidmat pelangan dan sebagainya.

"Bagi musim haji 1446H ini, terdapat dua kumpulan petugas utama iaitu Petugas Rombongan



SEBAHAJIAN petugas Tabung Haji ketika melapor diri serta urusan penerimaan kelengkapan bertugas di Anjung Tinjau, Terminal 1, KLIA, Sepang semalam.

Kebajikan seramai 358 orang dan Petugas Rombongan Perubatan seramai 274 orang.

"Saya percaya gabungan daripada pelbagai latar belakang, kepakaran dan pengalaman inilah yang membentuk satu

pasukan yang kuat dan mampu memberi perkhidmatan yang cemerlang kepada jemaah haji negara," katanya dalam kenyataan semalam.

Katanya, dua penerbangan kumpulan petugas seramai 74

orang mula berlepas semalam.

"Pergerakan ini diikuti dengan kumpulan selebihnya yang akan berlepas secara berperingkat bagi memastikan segala persiapan dalam keadaan terbaik sebelum ketibaan jemaah haji Malay-

sia di Madinah dan Mekah.

"Kesemua petugas yang bertindak sebagai barisan hadapan ini telah mengikuti kursus yang cukup komprehensif bagi meningkatkan kecekapan, pengetahuan serta kemahiran bagi memastikan mereka bersedia sepenuhnya dan cukup terlatih dalam melaksanakan tanggungjawab untuk menyantuni 31,600 bakal haji negara," katanya.

Dalam pada itu, penerbangan pertama jemaah haji negara bermula pada 29 April ini, manakala penerbangan terakhir 1 Jun ini.

Pada tahun ini, hari wukuf iaitu tarikh 9 Zulhijjah dijangka jatuh pada hari Khamis, 5 Jun ini.

Sebanyak 100 penerbangan sewa khas digunakan untuk membawa kesemua jemaah haji Malaysia melibatkan syarikat penerbangan AMAL by Malaysia Airlines Bhd. dan Saudia Airlines.

Sebanyak lapan stesen berlepas akan digunakan untuk para jemaah haji di seluruh Malaysia bagi urusan melapor diri iaitu di Kota Bharu (Kelantan), Kuala Terengganu (Terengganu), Alor Setar (Kedah), Bayan Lepas (Pulau Pinang), Senai (Johor), Kuching (Sarawak), Kota Kinabalu (Sabah) dan Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA).

AKHBAR : THE SUN
MUKA SURAT : 16
RUANGAN : BIZ & FINANCE

THE SUN M/S 16 BIZ & FINANCE 25/4/2025 (JUMAAT)

Since 1851

PjH, Sunway Healthcare to develop medical centre in Putrajaya

PUTRAJAYA: Putrajaya Holdings Sdn Bhd (PJH) and Sunway Healthcare Holdings Sdn Bhd (SHH) have inked a Heads of Agreement (HoA) to jointly develop an integrated private medical centre in Precinct 7, Putrajaya.

After months of engagement and careful planning, Precinct 7 has been identified as the ideal site, given its strategic location and accessibility, with proximity to the Putrajaya Sentral, and key health institutions like the Putrajaya Hospital, Institut Kanser Negara and Akademi Perubatan Malaysia.

The proposed medical centre is expected to house a tertiary hospital with over 300 beds, offering advanced medical services and specialist care, including a burns unit, that cater not only to Putrajaya residents but also to the wider Southern Klang Valley region as well as international patients.

"PJH as the master developer provides a lifestyle oasis with our state-of-the-art infrastructure, numerous facilities, and lush and abundant open areas," said Putrajaya Holdings CEO Datuk Izwan Hasli Mohd Ibrahim.

"The creation of a healthcare ecosystem is just another step to create a more holistic quality of life, everything you need right here in Putrajaya.

"This marks a catalytic milestone in Putrajaya's growth journey, and we are excited to collaborate with a trusted partner like Sunway Healthcare to bring this shared vision to life.

Sunway Healthcare Group president Datuk Lau Beng Long said: "We are excited to partner PJH to build a medical centre in our nation's administrative capital, enabling the Putrajaya community and beyond to access comprehensive and quality private healthcare.

"We are honoured that PJH has placed their trust in us and our years of experience in developing integrated healthcare facilities and networks from the ground up, including an internationally recognised flagship Sunway Medical Centre ranked as the top Malaysian hospital according to Newsweek's World's Best Hospitals 2025 rankings.

The collaboration is poised to elevate Putrajaya's position as a centre for quality medical services.

It marks a significant step in expanding access to specialised care and enhancing the overall healthcare landscape in the nation's administrative capital.